

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 13 Tahun 2014

DASAR PEMBIAYAAN LATIHAN/ MEMBENTANG KERTAS KERJA/ POSTER/ HASIL KARYA DALAM DAN LUAR NEGARA MELALUI SATU SUMBER UNIVERSITI SAHAJA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga UiTM berkenaan dasar pembiayaan latihan/ membentang kertas kerja/ poster/ hasil karya dalam dan luar negara melalui satu sumber kewangan universiti sahaja.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 04/2014 bertarikh 14 Mac 2014 dan Bilangan 18/2008 bertarikh 27 Jun 2008 berkenaan arahan perbelanjaan secara berhemah telah menetapkan amalan perbelanjaan secara *cost effective* dan berjimat cermat dalam segala aktiviti dan pengurusan. Arahan berjimat cermat ini juga merupakan arahan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014, Bilangan 7 Tahun 2008 dan Bilangan 9 Tahun 2008 yang tujuannya adalah untuk meningkatkan kawalan perbelanjaan.

3. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan staf yang telah diluluskan dan dibiayai oleh Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf, JKLPS(I) untuk membentang kertas kerja/ poster/ hasil karya pembiayaan latihan di luar negara telah memohon daripada sumber kewangan universiti yang lain bagi menampung kos yang tidak dibiayai atau mencukupkan keseluruhan perbelanjaan aktiviti akademik yang akan dihadapi.

4. Justeru, Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) melalui mesyuarat bilangan 272 telah memutuskan pembiayaan latihan/ membentang kertas kerja/ poster/ hasil karya dalam dan luar negara hanya boleh dibiayai daripada **salah satu (1) sumber sahaja** seperti yang disenaraikan pada Perkara 5.

5. Berikut adalah sumber peruntukan kewangan latihan universiti:

- i. Peruntukan Latihan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (Luar Negara)
- ii. Peruntukan Latihan PTJ (Dalam Negara dan Negara ASEAN sahaja)
- iii. Peruntukan Latihan ILQAM (Dalam Negara sahaja)
- iv. Geran Penyelidikan
- v. Dana Kecemerlangan Akademik
- vi. Tabung Amanah Am
- vii. Tabung Amanah PTJ

6. Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan dan Zon Kewangan perlulah memberi perhatian terhadap perkara ini. Kelulusan pembiayaan aktiviti latihan membentang kertas kerja/ poster/ hasil karya dalam dan luar negara perlulah melalui satu sumber universiti sahaja.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada 01 November 2014.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



TAN SRI DATO' SRI PROF. IR. DR. SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:
Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil Fail : 500-BPD (JPbSM/UL.15/1)
No. Siri : 100-UITM (NC/13/2014)

